

மலேசிய இந்தியர் காங்கிரஸ்

பேராக் மாநிலம்



*MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERGERAKAN PUTERA MIC NEGERI PERAK
TAHUN 2020*

நாள் / TARIKH : 24 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)

நேரம் / MASA : 7.00 MLM

இடம் / TEMPAT : PEJABAT MIC BAHAGIAN IPOH BARAT

AGENDA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERGERAKAN PUTERA MIC NEGERI PERAK TAHUN 2020

MASA	PERKARA
7.00 mlm – 7.15 mlm	Ketibaan Perwakilan Putera MIC
7.15 mlm – 7.30 mlm	Ketibaan Tetamu – Tetamu Kehormat
7.30 mlm – 7.40 mlm	Nyanyian Lagu Negaraku & MIC (Saathanai Namathu Kaiyile)
7.40 mlm – 7.45 mlm	Ucapan Aluan En. Saravanan Krishna Setiausaha Putera MIC Negeri Perak
7.45 mlm - 7.55 mlm	Ucapan Dasar En. Kishore Kumar Ayyawoo Ketua Putera MIC Negeri Perak
7.55 mlm - 8.10 mlm	Ucapan Khas En. Nedunchelien Gurusamy Timbalan Ketua Putera MIC Kebangsaan
8.10 mlm - 8.30 mlm	Ucapan Perasmian Dato' V.Elango Pengerusi Badan Perhubungan MIC Negeri Perak
8.30 mlm - 8.35 mlm	Penyampaian Cenderahati
8.35 mlm - 8.40 mlm	Pembentangan Minit Mesyuarat
8.40 mlm - 8.45 mlm	Pembentangan Laporan Tahunan
8.45 mlm - 8.50 mlm	Pembentangan Laporan Kewangan Tahunan
9.00 mlm	Perbincangan Am dan Majlis Bersurai

LAGU NEGARAKU

**Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
bersatu dan maju**

**Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta**

**Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta**



LAGU BARISAN NASIONAL



**Barisan Nasional Barisan Kita
Penegak Wawasan Rakyat Malaysia
Membina Satu Bangsa Berjaya
Itulah Wawasan Kita**

**Berpadu Kita Rakyat Semua
Menuju Malaysia Jaya
Barisan Nasional Parti kita
Parti Untuk Rakyat Jelata**

**Khidmat Kami Untuk Semua
Tanpa mengira bangsa
Barisan Nasional Barisan kita
Penegak wawasan Pembela bangsa**

**Membina Satu Bangsa Berjaya
Itulah Wawasan Kita**

SAATHANAI NAMATHU KAIYILE

**Saathanai namathu kaiyillae.
Sarithiram padaipom naatila.
Sothanai aayiram vanthalam.
Thodarnthay naamay munehruvooom.**

**Munehruvooom ; munehruvooom.
Munehruvooom ; munehruvooom.**

Saathanai namathu kaiyillae.

**Aayiram paetham iniyethu.
Anaivarum inaintheh elumpohthu.
Ennangkal yaavum niravehra.
Endrum ondraai munehruvooom.**

**Munehruvooom ; munehruvooom.
Munehruvooom ; munehruvooom.**

Saathanai namathu kaiyillae.

**Kalviyil naamum tharam perugi.
Palligal ingku pala niruvi.
Pohriiyial vintyana thuraikaliley.
Puratchigal seithay munehruvooom.**

**Munehruvooom ; munehruvooom.
Munehruvooom ; munehruvooom.**

Saathanai namathu kaiyillae.

**Vetriyai kaatum ma yi kah.
Vasanthamey pookum puthu poongaa.
Patruvohm indreh puthuppaathai.
Paarinil virainthe munehruvooom.**

**Munehruvooom ; munehruvooom.
Munehruvooom ; munehruvooom.**

Sathanai namalthu kaiyillae.

PRAKATA



Vanakam dan Salam Seperjuangan,

Adalah menjadi tanggungjawab semua Ahli Putera MIC Negeri Perak untuk mengetahui sejauh mana pergerakan ini telah mendekati rakyat terutamanya komuniti India dinegeri ini. Tanpa penglibatan penuh Ahli tidak tercapailah hasrat dan matlamat sesebuah pergerakan untuk terus berjaya disamping mengekalkan prestasi terbaik mereka. Saya tidak dapat menafikan bahawa Pergerakan Putera MIC Negeri Perak telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan cukup baik dibawah kepimpinan saudara Kishore Kumar. Syabas dan tahniah diucapkan kepada keseluruhan warga Putera MIC Negeri Perak yang sanggup berkorban masa tenaga dan wang demi memastikan komuniti India negeri ini terus berjaya dan mengikuti hala tuju yang sebenar.

Dalam Era Politik yang tidak menentu ini, Putera MIC Perak membuktikan mereka masih lagi relevan dan sentiasa memberi kerjasama kepada parti. Terima kasih juga kepada ahli ahli Putera MIC Negeri Perak yang sentiasa setia dan bersama semasa susah dan senang Parti ini. Saya berharap agar Putera MIC Negeri Perak terus maju ke hadapan disamping memastikan generasi muda di negeri Perak Berjaya dalam bidang pendidikan dan kepimpinan terutamanya. Segala usaha dan sumbangan setakat ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Walau bagaimanapun, penambahbaikan berperingkat amatlah diperlukan dari masa ke semasa dalam usaha membangunkan belia tempatan yang berkeyakinan tinggi dan berdaya saing.

Sepertimana yang kita ketahui, sumbangan dan komitmen setiap ahli adalah kunci kecemerlangan dan kegagalan sesuatu pertubuhan. Aset utama yang menjadi kayu pengukur dalam pembangunan sahsiah diri, nilai kepimpinan, kecelikan berfikir, kemahiran menangani masalah dan kepakaran membuat keputusan yang ada pada ahli Putera MIC Perak ditunjukkan dari segi keinginan belajar, semangat kerjasama dan keprihatinan terhadap masyarakat India.

Akhir kata, sama-samalah kita berganding bahu dan bersatu padu dalam menjamin kemajuan dan pembangunan masyarakat dinegara ini.

Sekian, terima kasih.

Y. BHG Dato V. Elango

Pengerusi Badan Perhubungan MIC Negeri Perak

PRAKATA



Vanakam dan Salam Seperjuangan,

Salam bahagia bertaut mesra memulakan seuntai bicara dalam ruangan yang amat bermakna ini. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Putera MIC di atas kegigihan dan kesungguhan dalam memastikan parti ini terus berkembang maju. Kerjasama dan semangat dalam memajukan Putera MIC ini amatlah saya hargai dan akan terus berbakti kepada masyarakat.

Saya berjanji, Putera MIC akan terus gigih tanpa jemu dalam mencurahkan bimbingan dan motivasi kepada para belia dari segala aspek. Harapan saya bersama barisan pemimpin lain adalah untuk melahirkan generasi yang lebih terbilang sebagai pemangkin kearah kejayaan masa depan generasi belia India. Namun, penambahbaikan secara berterusan adalah diperlukan bagi memahami kekuatan, kelemahan serta cabaran selain memberikan tumpuan dalam usaha meningkatkan standard dan merapatkan jurang pencapaian belia disetiap peringkat. Sebagai nadi utama dalam usaha untuk membangunkan modal insan yang akan memacu kemajuan Negara di masa hadapan, Putera MIC harus terus berusaha untuk menggarap potensi belia secara menyeluruh dalam bidang akademik mahupun bukan akademik.

Saya sedar tatkala Negara dan parti mengalami kemelesetan dan kemerosotan, lebih banyak cabaran dan halangan yang perlu kita harungi. Namun begitu saya tidak gentar akan situasi tersebut kerana saya percaya barisan kepimpinan Putera MIC sentiasa bersama saya dalam menyokong dan mendokong hasrat parti.

Selama saya bernaung dibawah Putera MIC ini, saya memerhatikan dari dekat segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Putera MIC Perak. Tidaklah salah jika saya menyatakan bahawa Putera MIC Perak menunjukkan komitmen yang baik dan memberangsangkan. Saudara Kishore Kumar, Ketua Putera MIC Perak memainkan peranan yang cukup baik dalam memastikan pergerakan ini sentiasa bergerak ke hadapan dan mempunyai matlamat yang tersendiri.

Sebelum saya mengakhiri, saya menyeru agar lebih ramai belia tampil untuk menyalurkan idea-idea yang bernas mahupun tenaga untuk digembeleng sebagai inspirasi kepada Putera MIC supaya sentiasa relevan dan berada pada prestasi cemerlang. Saya berharap agar kita semua terus berjuang di perkarangan pembangunan parti, masyarakat dan Negara. Tahniah kepada semua!.

Sekian Terima Kasih

En. Padmarajah Selvarajah

Ketua Putera MIC Kebangsaan

PRAKATA



Vanakam dan Salam Seperjuangan,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Putera MIC Perak yang telah memberikan komitmen dalam memastikan pergerakan ini terus berkembang maju dan dapat menawarkan perkhidmatan terbaik terutamanya kepada masyarakat India. Tekad usaha dan kerjasama setiap ahli Putera MIC Perak ini amatlah saya hargai dan tidak lengkaplah pencapaian dan kejayaan ini tanpa pengorbanan dan penglibatan anda semua.

Kita perlu sedar bahawa akademik dan pendidikan merupakan aset yang paling penting dalam diri setiap individu untuk melakar kejayaan dalam hidup dan berbakti kepada masyarakat dan Negara. Putera MIC Negeri Perak amatlah prihatin terhadap isu ini dan berusaha dalam memastikan pembangunan Belia India dalam bidang pendidikan terutamanya. Saya menyeru agar Ketua Putera MIC Perak saudara Kishore Kumar sentiasa memastikan matlamat utama pergerakan ini dalam bidang Pendidikan dapat diteruskan.

Tidak dapat dinafikan bahawa anak muda merupakan aset penting kepada pembangunan negara serta mencorakkan politik negara pada masa akan datang. Pembangunan modal insan adalah amat penting dalam usaha menanam sifat kepimpinan dalam diri anak muda. Maka relevan sungguh pergerakan ini meletakkan matlamat yang tinggi dalam melahirkan masyarakat berwibawa, berpotensi serta aktif dalam semua bidang sekaligus melahirkan generasi belia india sebagai pemangkin kearah kejayaan masa depan negara kita.

Sebagai penutup bicara, saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada semua individu mahupun organisasi yang sering memberi dorongan dan sokongan yang tidak terhingga kepada kami. Amatlah diharapkan agar Putera MIC Perak akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan meneruskan langkah kemajuan dalam mendidik dan membangunkan masyarakat India di Negara ini.

SYABAS & TAHNIAH!!!

Sekian Terima Kasih

En. Nedunchelien Gurusamy

Timbalan Ketua Putera MIC Kebangsaan

PRAKATA



Vanakam dan Salam Seperjuangan,

Berat sama dipikul, ringan sama dijunjung, terlebih dahulu saya panjatkan rasa kesyukuran kepada tuhan yang maha berkuasa lagi penyayang. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Pergerakan Putera MIC Negeri Perak Tahun 2020. Sekalung Ucapan Tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Putera MIC Negeri Perak diatas Usaha menjayakan Mesyuarat pada kali ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Putera MIC Kebangsaan yang tidak jemu memberi sokongan dan dorongan kepada saya dalam menerajui kepimpinan Putera MIC Negeri Perak. Tidak dilupakan juga Badan Perhubungan MIC Negeri Perak yang memberi tunjuk ajar serta didikan dalam mengenali dunia politik, ribuan terima kasih. Adalah tidak wajar jika saya tidak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Putera MIC Negeri Perak yang sentiasa memberi kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam merealisasikan matlamat Putera MIC disamping berdiri teguh bersama saya setiap masa dan waktu.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak dalam memastikan kemajuan dan pembangunan masyarakat India dinegara ini. Putera MIC memberi penekanan yang mendalam bagi memastikan setiap anak muda masyarakat India sedar kepentingan Pendidikan. Tidak dapat dinafikan bahawa sepanjang penubuhan Putera MIC pelbagai Program dan Pendekatan telah diambil bagi memastikan anak muda masyarakat India diseluruh Negara mengutamakan pendidikan bagi menjamin masa depan yang lebih cerah. Segala usaha yang diambil oleh Putera MIC tidak sia sia kerana kita dapat lihat dengan sendiri kejayaan dan pencapaian anak muda masyarakat India dinegara kebelakangan ini. Putera MIC Negeri Perak bertekad untuk memastikan lebih banyak kejayaan dan pencapaian dapat dilakarkan oleh anak muda masyarakat India dinegeri Perak terutamanya.

Saya selaku Ketua Putera MIC Negeri Perak berjanji akan merealisasikan matlamat dan impian pergerakan ini dalam memastikan anak muda kita dapat terus menyerlah dalam bidang pendidikan dan kepimpinan. Putera MIC Perak akan memberikan bantuan dan pertolongan seadanya kepada yang memerlukan. Putera MIC juga komited dalam melahirkan anak muda yang berprinsip tinggi serta Modal insan yang mulia. Saya percaya dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada ahli, Putera MIC akan lebih maju ke hadapan.

Sekian, Terima Kasih

En. Kishore Kumar Ayyawoo

Ketua Putera MIC Negeri Perak

AHLI MAJLIS TERTINGGI PUTERA MIC NEGERI PERAK

Ketua Putera MIC	-	Kishore Kumar Ayyawoo
Timbalan Ketua Putera MIC	-	Gobinath Sriram
Setiausaha Putera MIC	-	Saravanan Krishna
Penolong Setiausaha Putera MIC	-	Vasudevan Selvam
Bendahari Putera MIC	-	Shervin Jayakumar
Ketua Penerangan Putera MIC	-	Mahendran Manoharan

KETUA & PENYELARAS BAHAGIAN PUTERA MIC NEGERI PERAK

Lumut	-	Kishalan Elango
Taiping	-	Ganesan Mani
Pasir Salak	-	Sarankumar Sasikumar
Parit Buntar	-	Perbakaran Pakiri
Bagan Datoh	-	Thivagar Genesan
Ipoh Timur	-	Suresh Maran
Gopeng	-	ShanjevKumar Muthalagan
Tapah	-	Ravinkumar Santhanasamy
Ipoh Barat	-	Nedunchelien Gurusamy
Batu Gajah	-	Devenderen Mailwaganam
Tambun	-	Mahendran Manoharan
Bukit Gantang	-	Ananthakumar Veerappan
Tanjong Malim	-	Arvindren Venkiteraman
Kampar	-	Hemaprasad Nagendran
Sungai Siput	-	Suresh Babu Suri Baba
Bagan Serai	-	Nantha Mathialagan
Teluk Intan	-	Rajahmurali Kaniapan
Parit	-	Kishore Kumar Ayyawoo

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**PERGERAKAN PUTERA MIC NEGERI PERAK YANG KE-8 TAHUN 2019**

Ruj : 03/2019

Tarikh : 30 Mei 2019 / Khamis

Masa : 7.00 mlm

Kehadiran : Sila Rujuk Lampiran

Agenda

- 1) Ketibaan para perwakilan Putera MIC Perak.
- 2) Ketibaan Tetamu-tetamu Kehormat ke Mesyuarat Agung Tahunan Pergerakan Putera MIC Negeri Perak.
- 3) Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu MIC (Saathanai Namathu Kaiyile)
- 3) Ucapan aluan daripada Ketua Pergerakan Putera MIC Negeri Perak:
 - I. Mesyuarat telah dimulakan dengan ucapan daripada En.Kishore Kumar Ayyawoo. Beliau telah mengucapkan terima kasih kepada semua para perwakilan Putera MIC Perak yang dapat hadir.
 - II. Pencapaian Putera MIC Perak sejak selepas diambil alih oleh beliau sebagai Ketua Pergerakan Putera MIC Perak.
 - III. Seterusnya beliau menekankan dan meminta kerjasama daripada Ahli Majlis Jawantankuasa untuk sentiasa mengambil bahagian dalam program-program yang dianjurkan oleh Putera MIC Negeri Perak.
 - IV. Mesyuarat diteruskan dengan beliau menyatakan hasrat untuk mengaktifkan balik bahagian-bahagian yang kurang aktif dengan penstrukturan semula.
- 2) Ucapan khas daripada Ketua Putera MIC Kebangsaan:
 - I. Mesyuarat diteruskan dengan ucapan khas daripada En.Nedunchelien Gurusamy Timbalan Ketua Putera MIC Kebangsaan mengenai program-program yang telah dijalankan sehingga sekarang dibawah kepimpinan En.Kishore Kumar Ayyawoo Ketua Putera MIC Perak.
 - II. Mesyuarat diteruskan dengan serba sedikit dengan penerangan mengenai program-program yang bakal diadakan yang berada dalam proses pelaksanaan.
- 3) Ucapan Perasmian oleh Naib Pengerusi Badan Perhubungan MIC Perak
 - I. Mesyuarat diteruskan dengan ucapan perasmian oleh En.Santhanasamy Muthiah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan MIC Perak.

- II. En.Sanathanasamy Muthiah menyatakan tujuan beliau menghadiri mesyuarat agung tahunan Putera MIC Perak bersama dengan para perwakilan Putera MIC Perak. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para perwakilan untuk mengetahui senario sebenar politik pada masa kini peringkat negeri.
 - III. Beliau juga menyatakan hasratnya untuk membentuk satu pasukan Putera MIC Perak yang kukuh dan berprofesional.
 - IV. Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada En.Kishore Kumar Ayyawoo Ketua Putera MIC Perak atas pencapaian yang amat bagus pagi peringkat negeri dan menyarankan supaya mengadakan lebih banyak program lagi bagi memastikan hubungan antara Putera MIC Perak dengan pihak-pihak yang tertentu lebih erat lagi pada masa akan datang.
- 4) Penyampaian cenderahati kepada para tetamu kehormat Mesyuarat Agung Tahunan Putera MIC Perak kali ke-8.
 - 5) Pembentangan Laporan Aktiviti Tahunan oleh Setiausaha Putera MIC Negeri Perak, En.Saravanan Krishna.
 - Pembentangan Laporan Aktiviti Tahunan dicadang oleh saudara Theshvin Raj dan disokong oleh saudara Venod Kumar.
 - 6) Pembentangan Laporan Kewangan Tahunan oleh Bendahari Putera MIC Negeri Perak, En.Sehrvin Jayakumar.
 - Pembentangan Laporan Kewangan Tahunan dicadang oleh saudara Krishnan dan disokong oleh saudara Rishi.
 - 7) Sesi soal jawab bersama En.Nedunchelien Gurusamy, Timbalan Ketua Putera MIC Kebangsaan.
 - 8) Mesyuarat ditangguh pada pukul 9.00 malam.

Disediakan Oleh : Saravanan Krishna

Setiasaha Pergerakan Putera MIC Negeri Perak

Tandatangan :



Disahkan Oleh : Kishore Kumar Ayyawoo

Ketua Pergerakan Putera MIC Negeri Perak

Tandatangan :



LAPORAN AKTIVITI PUTERA MIC NEGERI PERAK TAHUN 2019

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1.	16 JANUARI 2019	CERAMAH MOTIVASI DI IKBN SERI ISKANDAR
2.	02 MARCH 2019	PERLAWANAN PERSAHABATAN "FUTSAL"
3.	13 APRIL 2019	PROGRAM PENGEMBARAAN "BUKIT KLEDANG"
4.	31 MEI 2019	KONVENSYEN PUTERA MIC NEGERI PERAK
5.	02 JUN 2019	PERSIDANGAN MIC NEGERI PERAK
6.	28 JULAI 2019	KONVENSYEN PERGERAKAN PUTERA MIC KEBANGSAAN KE-8
7.	24 OGOS 2019	PERHIMPUNAN AGUNG MIC KEBANGSAAN KE 73
8.	30 OGOS 2019	SAMBUTAN HARI MALAYSIA (PENYERAHAN BENDERA MALAYSIA)
9.	05 DISEMBER 2019	LATIHAN ASAS BOWLING

LAPORAN KEWANGAN PUTERA MIC NEGERI PERAK 2019 / 2020

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BERAKHIR PADA 31 Disember 2019

	DEBIT	CREDIT
	RM	RM
PENDAPATAN:		
BAKI B/B		30.18
SUMBANGAN DARIPADA PENERUSI MIC NEGERI PERAK		650.00
PERBELANJAAN:		
PROGRAM-PROGRAM		
1. PERLAWANAN PERSAHABATAN "FUTSAL"	150.00	
2. PROGRAM PENGEMBARAAN BUKIT KLEDANG	120.00	
3. SAMBUTAN HARI MALAYSIA	55.00	
4. LATIHAN BOWLING	120.00	
5. PERSIDANGAN PUTERA MIC PERAK	200.00	
LAIN-LAIN	-	
LEBIHAN	35.18	
	680.18	680.18

DISEDIAKAN OLEH,



SHERVIN A/L JAYAKUMAR
 BENDAHARI PUTERA MIC NEGERI PERAK

DISAHKAN OLEH,



KISHORE KUMAR A/L AYYAWOO
 KETUA PUTERA MIC NEGERI PERAK



#MoveForward